

D058

U B989 AAB
MAHATHIR - PENJARA R R R

ALOR SETAR, 21 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU AKAN MENYIASAT DAKWAAN KONONNYA SESETENGAH PEGAWAI PENJARA MENERIMA SOGOKAN BERUPA WANG DAN WANITA DARIPADA PARA BANDUAN YANG SEDANG MENJALANI HUKUMAN DI PENJARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, BELIAU SEBELUM INI TIDAK MENGETAHUI PERKARA ITU KERANA TIDAK DIBERITAHU MENGENAINYA.

+KITA AKAN TENGOK DAN PERIKSA MENGENAINYA,+ KATANYA APABILA DITANYA OLEH PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM DI KEPALA BATAS DEKAT SINI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI.

SEBUAH AKHBAR TABLOID BAHASA INGGERIS HARI INI MEMETIK BEKAS PENGARAH PENJARA PULAU PINANG, HAJI ZAINAL ABIDIN HAJI MOHAMED SEBAGAI BERKATA, SESETENGAH PEGAWAI PENJARA TERUTAMANYA YANG MASIH MUDA DISOGOKKAN DENGAN WANITA DAN WANG SEBAGAI UMPAN DARIPADA PARA BANDUAN UNTUK MELARIKAN DIRI ATAU MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA KESAL KERANA BEKAS PENGARAH PENJARA BERKENAAN TIDAK MEMBERITAHUNYA MENGENAI PERKARA ITU SEBELUM INI. -- LAGI.

1729MST 21 01 89

D070

U B993 AAB
MAHATHIR - PENJARA 2 KUALA LUMPUR

KETIKA MENJAWAB SOALANS MENGENAI AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) YANG DIWARTAKAN PADA 30 MEI 1985 DAN AKAN TAMAT TEMPOH PENGUATKUASAANYA PADA 30 MEI INI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AKAN MENYEMAK SEMULA SEKSYEN 1 (3) AKTA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI MELAWAT PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI DAERAH KUBANG PASU SEJAK SEMALAM.

YANG TURUT BERADA DI LAPANGAN TERBANG UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT PULANG KEPADA PERDANA MENTERI IALAH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DAN PARA PEGAWAI KANAK KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA.

1751MST 21 01 89